



**PERUTUSAN**  
**Y.A.B. MENTERI BESAR TERENGGANU**  
**SEMPENA SAMBUTAN BULAN MAAL HIJRAH**  
**PERINGKAT NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2010**  
**4 MUHARAM 1432**

**TEMPAT : SEMUA MASJID NEGERI**  
**TERENGGANU**

**TEMA : "1 MALAYSIA 1 UMMAH"**

**Bismillahirrahmanirrahim**  
**Assalamualaikum w.b.t.**

Muslimin dan muslimat yang dirahmati dan dikasihi Allah S.W.T sekalian,

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran kepada Allah kerana dengan rahmat dan kasih sayangNya, kita semua dapat berkumpul dan berhimpun di sini pada saat dan hari yang mulia ini, untuk sama-sama menyambut dan meraikan kedatangan Tahun Baru 1432Hijrah. Dengan kehadiran sinar Tahun Hijrah ini, mudah-mudahan kita semua akan memperolehi kehidupan yang lebih baik penuh dengan barakah dan rahmat yang melimpah ruah daripada Allah S.W.T.

Sesungguhnya Majlis Sambutan Tahun Baru Hijrah pada setiap tahun memberi makna dan impak yang cukup besar di dalam kehidupan umat Islam itu sendiri. Marilah sama-sama kita merenungi, mempelajari, mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa Hijrah Rasulullah S.A.W. dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati oleh Allah S.W.T sekalian,

"1 Malaysia 1 Ummah" telah dipilih oleh kerajaan sebagai tema Sambutan Maal Hijrah pada tahun ini. Terdapat beberapa rasional dalam pemilihan tema ini. Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri dari pelbagai bangsa. Kepelbagaian bangsa ini memerlukan satu ruang bagi membina hubungan mesra serta memupuk perpaduan. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam al-Qur'an yang bermaksud :

*" Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu terdiri dari lelaki perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). ..."*

(Al-Hujurat : 13).

Adalah menjadi cita-cita semua masyarakat negara ini untuk hidup dalam keadaan harmoni , aman dan sejahtera. Apa yang tersirat dalam tema ini ialah hasrat pimpinan negara mahu menerapkan falsafah pembinaan satu negara bangsa yang bersatu padu dan saling membantu antara satu sama lain.

Berdasarkan kepada realiti masa kini, umat Islam menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan untuk mencapai kejayaan dan kegemilangan. Perpecahan masyarakat Islam kepada beberapa kumpulan yang berteraskan politik dan pertubuhan merupakan cabaran utama yang perlu diatasi untuk mencapai kejayaan. Cita-cita ini hanya boleh dicapai melalui kesatuan ummah. Tema "**1 Malaysia 1 Ummah**" sesungguhnya ada kekuatan untuk menyuntik kesedaran tentang pentingnya pembina semula umat Islam yang bersatupadu. Allah s.w.t. telah memerintahkan umat Islam hidup bersatu dan

tidak berpecah sesama sendiri. Perkara ini ditegaskan melalui firmanNya yang bermaksud:

*"Berpeganglah kamu semua dengan tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai berai"*

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah sekalian,

Peristiwa hijrah Rasulullah S.A.W yang berlaku pada 16 Julai 622 M, mengandungi pelbagai motivasi yang sangat penting dalam membuat perubahan dan anjakan paradigma untuk mencapai kemajuan. Umat Islam tidak akan mencapai kemajuan jika tidak berlaku hijrah atau tiada anjakan paradigma. Umat Islam adalah dituntut supaya membuat anjakan paradigma melalui pelaksanaan konsep jihad dan hijrah untuk mencapai sesuatu yang lebih baik dalam kehidupan. Ini dapat difaham dari firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*" Dan orang – orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam), dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia."*

(Al-Anfaal) : 74).

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi oleh Allah sekalian,

Sesungguhnya tema "Satu Malaysia Satu Ummah" menuntut kita mengkaji dan meneliti gerak kerja dan amalan umat Islam pada awal perkembangan Islam khususnya "marhalah madaniyyah". Kaum Ansar yang mendiami Madinah pada ketika itu, telah banyak memberi kerjasama dan sumbangan bantuan kepada kaum Muhajirin yang

datang dari Mekah. Mereka lakukan dengan rela dan ikhlas kerana Allah. Akhirnya dua kumpulan ini telah berjaya hidup dalam kesatuan di bawah pimpinan Rasulullah Muhammad S.A.W. Natiyah dari kesatuan inilah orang Islam telah menjadi suatu umat yang kuat dan dan berjaya sehingga digeruni oleh seluruh dunia ketika itu. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa negara dan umat islam dapat dijajah oleh barat atau eropah apabila kelemahan wujud dalam masyarakat Islam. Kelemahan umat Islam bermula dengan perbalahan dan perpecahan sesama sendiri. Kelemahan dan perpecahan ini telah membawa kepada Kejatuhan kerajaan Islam turki dan kerajaan Islam yang lain ke tangan kerajaan barat dan Eropah.

Oleh itu, dalam Konteks negara kita hari ini, Umat Islam walau di mana sahaja mereka berada, mestilah bersatu padu untuk menjadi satu umat yang kuat sebagai satu syarat untuk membina negara bangsa yang hebat, cemerlang dan dihormati. Sesuatu isu yang kecil, tidak seharusnya membawa perbalahan antara umat Islam, kerana perbuatan sebegini akan merugikan diri dan umat Islam itu sendiri. Sekira Umat Islam berpecah dan tidak berusaha mengeratkan perpaduan, cita-cita untuk membina "Satu Malaysia Satu Ummah" tidak akan tercapai. Semua pihak wajib berusaha ke arah perpaduan Islam.

Muslimin dan muslimat sekalian

Penyalahgunaan dadah merupakan ancaman yang besar kepada bangsa melayu. Majoriti penagih dadah adalah orang melayu Islam. Oleh itu, ibu bapa hendaklah mengambil cakna dan memberi perhatian yang sungguh terhadap isu penagihan dadah ini kerana ia sangat berbahaya kepada diri, keluarga, komuniti, masyarakat, agama, bangsa dan negara. Dalam hal ini masjid juga berperanan untuk merealisasikan masyarakat bebas dari dadah seperti mengadakan ceramah khas mengenai dadah pada setiap jumaat sebelum Khutbah Jumaat disampaikan dengan menjemput pakar-pakar dalam bidang pencegahan penyalahgunaan dadah di Malaysia atau agensi-agensi yang berkaitan

dengannya. Penagihan dadah merupakan satu ancaman yang sangat berbahaya kepada keselamatan dan keamanan negara.

Muslimin dan muslimat dikasihi oleh Allah sekalian,

Isu rasuah juga adalah sebagai suatu penyakit barah dalam hidup dan merupakan sesuatu yang jijik pada pandangan masyarakat kerana ia boleh memudaratkan struktur keadilan dan kesejahteraan Ummah. Islam melarang perbuatan rasuah. Hal ini dengan jelas disebutkan dalam al-Quran sebagaimana maksud Firman Allah yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)"*

(Al-Baqarah : 188)

Islam melarang keras rasuah, kerana sesuatu yang sepatutnya menjadi milik orang yang berhak, telah bertukar tangan kepada orang lain yang sebenarnya tidak berhak memilikinya. Dalam hal ini tidak hairanlah jika Rasulullah S.A.W. menyatakan bahawa orang-orang yang terlibat dalam urusan rasuah semuanya dilaknat oleh Allah sebagaimana maksud sabda Nabi Muhammad S.A.W. yang bermaksud:

*" Semoga laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan orang yang menerima rasuah".*

(Riwayat Ibnu Majah)

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi oleh Allah sekalian,

Negara kita telah 52 tahun mencapai kemerdekaan. Ini bermakna kita telah lalui sebanyak lebih kurang 52 kali tahun baru hijrah. Namun begitu, adakah jiwa dan raga, minda dan tingkah laku generasi Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya pada hari ini benar-benar merdeka? Sebenarnya kita telah dijajah selama kira-kira 450 tahun oleh kuasa-kuasa barat iaitu British, Belanda dan portugis. Dalam tempoh tersebut pelbagai tindakan telah dilaksanakan oleh penjajah untuk menukar kehidupan dan jati diri kita . Mereka berusaha merubah minda dan jiwa raga kita, merubah Jati diri melayu yang berjiwa Islam kepada bangsa yang berjiwa hamba dan pasif.. Sebilangan besar dari orang Melayu Islam telah terperangkap dan terpengaruh dengan cara hidup yang dikehendaki penjajah sebagai hasil program yang dilakukan.

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi oleh Allah sekalian,

Pelbagai keruntuhan akhlak di kalangan jenerasi mudi hari ini juga merupakan satu fenomena yang tidak harus dibiarkan terus berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Ramai para remaja terlibat dalam amalan tidak bermoral seperti menonton filem atau bahan lucah, berjudi, merokok, minuman keras, melakukan seks bebas, dan membuang bayi. Ada yang sanggup menjualnya dengan harga antara RM10,000.00 hingga RM15,000.00 seorang demi kerana wang untuk hidup mewah atas dosa yang dilakukan. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama samada ibu bapa, para guru dan pendidik, pegawai dan pentadbir, para Imam, dan barisan pimpinan untuk sama-sama mencegah dan membendung isu ini dari terus berleluasa dalam masyarakat.. Penyemaian nilai-nilai murni yang seharusnya dilakukan secara sungguh dan penuh keikhlasan agar ia akan mendasari cara hidup mereka.

Untuk membolehkan kita bersaing diperingkat nasional dan antara bangsa, kita hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Maklumat dan pengetahuan semasa perlu dikuasai . Umat atau bangsa yang lemah tidak mampu menghadapi

cabaran dan bersaing di dunia global. Lantaran itu kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif untuk melahirkan masyarakat yang berilmu. Pelbagai kemudahan telah disediakan bagi memberi peluang kepada rakyat negeri ini untuk memperkasakan ilmu. Jika kita mempunyai peluang untuk menambah ilmu, gunakanlah segala peluang itu untuk kebaikan kita dan generasi akan datang, kerana jika kita mempunyai peluang untuk menambah dan memperkayakan ilmu tetapi kita tidak merebutnya, maka orang lain akan merebut dan mengambil peluang itu, dan akhirnya kita juga yang rugi dan ketinggalan zaman.

Muslimin dan Muslimat yang dikasihi oleh Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama menghayati semangat hijrah yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. dan sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat " 1 Malaysia 1 Ummah".

Akhirnya, saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 1432 Hijrah bersamaan 2010 Masehi kepada hadirin dan hadirat sekalian.

Sekian, Wabillahit Taufiq Wal Hidayah

Wassalamua'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.